

# Pegawai kanan KML lawat UMS-KAL

UB. 8.8.2011 ms B7



(SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

“Lawatan ini juga bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan antara pengurusan, kakitangan dan pelajar KML dan UMS-KAL yang sememangnya wujud sejak sekian lama,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang di Tingkat 13, Bangunan Menara, universiti itu.

Di tingkat 13 bangunan itu,

**CENDERAMATA ... Dr Shariff (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Sawang diperhatikan Dr Norazah dan Kamarudin (kanan).**

rombongan KML turut melawat lokasi melihat anak bulan Ramadan, meninjau pemandangan Labuan termasuk padang golf 18 lubang yang sedang dalam pembinaan.

Mereka turut dibawa melawat Pejabat Bahagian Pentadbiran, makmal, Pejabat SSIL, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Kokurikulum.

Tambah Sawang, selepas melihat sendiri perkembangan di UMS-KAL itu, pihaknya akan menggerakkan Amalan 5S dan keceriaan untuk keselesaan kakitangan dan pelajar di kolej tersebut.

Taklimat mengenai UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran, Noraini Samsu

di Bilik Seminar.

Turut hadir Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki, Timbalan Pendaftar Pentadbiran, Kamisah Husin dan ketua-ketua bahagian.

Sementara itu, Dr Shariff yang mengalu-alukan kunjungan pengurusan kanan KML itu berharap hubungan dua hala antara kedua-dua institusi pengajian tinggi awam itu akan memberi manfaat kepada kakitangan dan pelajar dalam bidang akademik, sukan dan kokurikulum.

“Lebih banyak kerjasama akan diadakan antara UMS-KAL dan KML untuk manfaat pelajar dan kakitangan dalam pelbagai bidang,” katanya.

LABUAN: Seramai 20 orang pegawai kanan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) telah mengadakan lawatan penandas (*Benchmarking*) ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Jalan Sungai Pagar, kelmarin.

Rombongan KML itu diketuai sendiri Pengarahnya, Sawang Amit bersama Timbalan Pengarah, Kamarudin Mansur, ketua jabatan, ketua unit dan pensyarah.

Sawang berkata kunjungan yang julung kalinya diadakan oleh pengurusan KML itu bertujuan untuk melihat penandas Amalan 5S dari sudut keceriaan, meninjau ruang dan peluang yang diberikan oleh Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan



**KENANGAN ... Dr Shariff (lima kiri) dan Sawang (lima kanan) bergambar kenangan dengan warga pengurusan KML yang mengadakan lawatan ke UMS-KAL berkenaan.**